

0673

U 0986 DEB
MAHATHIR - RUNDINGAN

PULAU PINANG, 15 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TIDAK PERLU DIADAKAN RUNDINGAN MEJA BULAT UNTUK MENYELESAIKAN APA-APA PERSELISIHAN FAHAM DALAM UMNO ATAU MENERATKAN PERPADUAN DI KALANGAN ANGGOTANYA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA PENERANGAN YANG DISAMPAIKANNYA SEMASA LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA SEKARANG TELAH BERHASIL MENERATKAN SEMULA RAKYAT KHUSUSNYA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI.

SEMASA BERCAKAP PADA SIDANG AKHBAR BAGI MENGAKHIRI LAWATAN TIGA HARI NYA KE NEGERI INI, BELIAU BERKATA PENERANGAN YANG DISAMPAIKANNYA TELAH MENYEDARKAN SETIAP ANGGOTA UMNO TENTANG PENTINGNYA MERAPATKAN SEMULA BARISAN DALAM PARTI.

OLEH ITU, TIDAK PERLU DIADAKAN RUNDINGAN MEJA BULAT KERANA KINI SETIAP ANGGOTA PARTI MEMAHAMI PENTINGNYA PERSELISIHAN YANG TIMBUL BERIKUTAN PEMILIHAN PARTI APRIL LEPAS DISELESAIKAN SEGERA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN BARU-BARU INI MENCADANGKAN SUPAYA RUNDINGAN SEUMPAMA ITU DIADAKAN ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR, TENGKU RAZALEIGH HANZAH DAN DATUK MUSA HITAM UNTUK MENYELESAIKAN PERSELISIHAN YANG ADA SEKARANG. -- LAGI.

1120MST 15 09 87

U 0988 DEB
MAHATHIR - RUNDINGAN 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA MASALAH UNTUKNYA BERJUMPA DENGAN TENGKU RAZALEIGH TANPA APA-APA SYARAT.

+DATUK MUSA YANG BERJUMPA DENGAN SAYA TIDAKPUN MENGENAKAN APA-APA SYARAT,+ KATANYA.

MENURUTNYA, PADA SATU PERJUMPAAN DENGAN DATUK MUSA, MEREKA BERBUAL-BUAL SELAMA DUA JAM, BERCAKAP-CAKAP MENGENAI ISU POLITIK SEMASA TERMASUK MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMNO SEKARANG.

DATUK MUSA DATANG MENEMUINYA SEBELUM BELIAU BERANGKAT KE LUAR NEGERI, KATA PERDANA MENTERI.

SELAIN ITU, KATANYA, SEMASA LAWATAN BELIAU KE JOHOR BARU-BARU INI, DATUK MUSA TURUT MENGHADIRI PERJUMPAANNYA DENGAN PERHIMPIN-PEMIMPIN UMNO TEMPATAN DAN MEREKA TURUT BERJUMPA PADA JAMUAN MAKAN MALAM ANJURAN KERAJAAN NEGERI DI JOHOR BARU. DATUK MUSA IALAH SEORANG KETUA BAHAGIAN DI JOHOR.

+KALAU TENGKU RAZALEIGH NAK JUMPA DENGAN SAYA, TIDAK ADA MASALAH. BELIAU BOLEH BERJUMPA SAYA APABILA SAYA MELAWAT KELANTAN. TENTU TENGKU RAZALEIGH ADA SAMA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. BELIAU DIJADUAL BERADA DI KELANTAN PADA 2 DAN 3 OKT. -- LAGI.

1124MST 15 09 87

U B993 DEB
MAHATHIR - RUNDINGAN 3 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA PADA PERTEMUANNYA DENGAN DATUK MUSA, BEKAS TIMBALAN PRESIDEN UMNO DAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU MENEGASKAN YANG BELIAU TIDAK MENYOKONG 12 ANGGOTA PARTI YANG SEDANG MENGAMBIL TINDAKAN HAKKAMAH TERHADAP PARTI SEKARANG.

+SAYA MENYAMBUT BAIK PENEGASAN DATUK MUSA ITU SEBAGAIMANA SAYA AKAN MENYAMBUT BAIK SESIAPA SAHAJA YANG TIDAK MENYOKONG TINDAKAN KUMPULAN ITU ATAU YANG MEMBIAYAI MEREKA,+ KATANYA.

DITANYA SAMA ADA BENAR BELIAU SECARA PERIBADI MENARUH DENDAM TERHADAP TENGGU RAZALEIGH SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH TENGGU RAZALEIGH, BELIAU MENJAWAB: +TANYA DIALAH+.

MENGENAI TUDUHAN TENGGU RAZALEIGH TENTANG BERLAKUNYA PENYISIHAN TERHADAP PENYOKONG-PENYOKONGNYA, PERDANA MENTERI BERKATA TINDAKAN SEUMPAMA ITU TIDAK DILAKUKANNYA.

APA-APA PERUBAHAN SEMASA PEMBENTUKAN KABINET ATAU EXCO KERAJAAN NEGERI DIBUAT DENGAN TUJUAN MELAHIRKAN SATU PASUKAN YANG BERSEFAHAMAN, DAPAT BEKERJASAMA DAN TIDAK MENJADI PENGHALANG KEPADA KELANCARAN PENTADBIRAN NEGARA DAN NEGERI. -- LAGI.

1143MST 15 09 87

D686

U B995 DEB
MAHATHIR - RUNDINGAN 4 PULAU PINANG

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA MEREKA YANG TERSINGKIR TELAH LEBIH DAHULU SANGGUP DIKENAKAN TINDAKAN SEDEMIKIAN JIKA KALAH. LAGIPUN MEREKA TIDAK LAGI PERCAYA KEPADA KEPIMPINAN DAN TELAH MEMBOCORKAN RAHSIA KERAJAAN.

+TINDAKAN MENYINGKIRKAN MEREKA TENTUNYA WAJAR.

+BAGI DIRI SAYA SENDIRI, BILA KALAH TIDAK AKAN JADI PERDANA MENTERI. ITU ADALAH KENYATAAN. SAYA MENERIMANYA.+

MENGENAI LAWATANNYA KE SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LAWATAN ITU MENDATANGKAN HASIL YANG MEMUASKAN TERUTAMA DALAM USAHANYA UNTUK MENGUKUHKAN LAGI KEDUDUKAN UMNO DAN BARISAN NASIONAL NEGERI.

KATANYA BELIAU YAKIN PERPADUAN DALAM BN NEGERI AKAN LEBIH ERAT DAN BERHARAP KEGIATAN YANG BOLEH MENJEJASKAN KERJASAMA ANTARA PARTI KOMPONEN DIHENTIKAN KERANA JIKA DIBIARKAN BERTERUSAN, IA AKAN MERUGIKAN BN SENDIRI.

KEPADA ANGGOTA UMNO, BELIAU MENINGATKAN MEREKA TERUS BERSATUPADU DAN MENJAYAKAN SETIAP RANCANGAN PARTI BUKAN SAHAJA UNTUK KEPENTINGAN PARTI DAN ANGGOTA MALAHAN UNTUK KEBAIKAN BANGSA MELAYU KHUSUSNYA DAN RAKYAT AMNYA, NEGARA DAN AGAMA.

YANG TURUT HADIR PADA SIDANG AKHBAR ITU IALAH KETUA MENTERI, DR LIM CHONG EU, YANG JUGA Pengerusi BN NEGERI, MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, YANG JUGA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, SENATOR MOHAMED FARID ARIFFIN, YANG JUGA KETUA BAGIAN BAGAN DAN SETIAUSAHA BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, DR IBRAHIM SAAD, YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri. -- BERNAMA.

1205NST 15 09 87